

# Antara beban buku dengan industri muzik

Oleh MIZAM RAHIM

BUKU menanggung beban untuk membawa idea-idea yang besar. Buku mendokumentasikan susur galur sejarah secara kronologi mahupun penilaian semula, sama ada secara kritis ataupun bias. Ia juga membicarakan soal politik dan dunia intelektual semasa.

Dalam masa yang sama, buku juga boleh menjadi bahan pencetus bahaya mengakibatkan peperangan atau diharamkan atas sebab idea yang dilontarkan oleh pengarangnya.

Orang yang menulis buku, pernah mati kerananya. Begitu juga mereka yang membacanya, kerana terlalu taksud dan percaya kepada gagasan yang disampaikan.

Betapa seriusnya peranan buku, kita boleh menganggap bahawa memelihara khazanah buku adalah satu tanggungjawab untuk memelihara khazanah intelektual. Buku mampu untuk mengungkapkan dan memberikan gambaran hidup terhadap konsep-konsep abstrak dalam sains mahupun agama.

Sesuatu yang sukar untuk difahami, tetapi bait-bait susunan kata di dalam buku mampu untuk mendekatkan kita kepada fahaman-fahaman yang sukar ini. Buku turut berperanan dalam dokumentasi pengejalan warisan dan budaya.

Jika sesuatu amalan dalam masyarakat sudah terhakis, maka yang tinggal selepas itu hanyalah catatan-catatan (mungkin juga diselitkan gambar) untuk rujukan dan kenangan generasi mendatang.

Betapa kuasanya buku ini, cubalah kita bandingkan pula dengan tuntutan nafsu kita kepada dunia hiburan atau dengan lebih tepat lagi dunia muzik.

Industri muzik kita telah pun mengisytiharkan perang terhadap sesetengah pihak, termasuk juga pengguna. Artis rakaman berbuih-buih saban waktu menasihatkan pengguna supaya membeli yang asli. Syarikat-syarikat rakaman terpaksa menanggung risiko untuk menerbitkan album, terutamanya album Melayu.

Tambahan lagi jika syarikat ter-

sebut bertaraf antarabangsa, di mana segmen Melayu hanyalah sebahagian kecil daripada dunia pasaran mereka.

Pengguna pula nampaknya seolah-olah menjadi mangsa kesalahan kerana tentunya membeli yang termurah, apalagi kalau bukan yang cetak rompak.

Industri perbukuan pula, walaupun tidak mempunyai bidang pasaran jualan sehebat industri muzik, nampaknya masih lagi boleh mempertahankan kredibilitinya.

Mungkin kerana orang yang terlibat di dalamnya bukan sekadar mengejar keuntungan semata-mata, tetapi lebih kepada kecintaan terhadap perkembangan ilmu.

Industri penerbitan terutamanya buku, walaupun menghadapi masalah yang sama dengan industri muzik (kecuali untuk masalah yang ditimbulkan oleh lanun cetak rompak yang tidak begitu serius dalam industri perbukuan), mereka jarang sekali merungut malah tetap meneruskan kerja-kerja penerbitan.

Cuma sesekali sahaja terledak kes-kes tertentu, seperti halnya dengan nasib buku-buku ilmiah di Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) suatu ketika dulu.

Penulis buku (sama seperti artis dalam industri muzik) bergantung harap kepada jumlah jualan bukunya untuk memberikan sedikit bayaran bagi saraan dalam hidup. Apa yang dialami oleh golongan artis akibat kelembapan jualan album, merupakan siri pengalaman yang serupa juga untuk golongan penulis.

Nampaknya, kerana kecenderungan kita untuk membeli yang termurah dan janji dapat dengar, artis rakaman menjadi mangsa. Kecenderungan kita juga untuk kurang membaca dan membudayakan ilmu, penulis menjadi mangsa.

Kita sebenarnya banyak menjadikan orang lain sebagai mangsa. Mungkin kerana kita ini juga pernah dimangsakan oleh orang lain!

Kedua-dua industri menghadapi dilema yang sama. Kita tidak mahu berdebat tentang industri mana yang hendak diutamakan dahulu

untuk diselamatkan.

Dalam hal ini, industri muzik gigih berkempen kepada pengguna supaya menyelamatkan khazanah muzik tanah air. Jangan lupa bahawa industri buku juga giat berkempen menanam minat membaca di kalangan masyarakat, supaya nanti jumlah jualan buku akhirnya boleh melonjak tinggi.

Kenapa tidak dikempenkan minat mendengar lagu oleh industri muzik? Kerana mereka sedar bahawa minat mendengar muzik tidak payah untuk diberi kempen lagi. Bukalah radio dan dengarlah kaset atau CD.

Jika industri muzik berkempen supaya pendengar mendengar lagu, maka yang mendapat tuahnya adalah lanun cetak rompak! Syarikat rakaman pula mendapat bala.

Masing-masing, buku dan hasil gubahan komposer muzik, menyampaikan gagasan sarat idea dan kreativiti individu. Kedua-dua item ini juga menaruhkan perjudian bakat dalam memenangi pasaran terbuka.

Penulis menggunakan kemahiran, ilmu dan bakatnya menyusun kata dan memperincikan idea dalam diksi dan aturan huruf.

Penyanyi pula, walaupun sebilangan besar daripada mereka tidak menyanyi mengikut teori nyanjian yang betul, tetapi turut bersandar kepada keupayaan bakat yang dimiliki. Lihatlah Siti Nurhaliza itu sendiri.

Betapa indahnya Tuhan menjadikan adanya titik-titik pertemuan antara penulis, komposer muzik dan penyanyi.

Justeru kita melihat bahawa industri perbukuan menempuh risiko yang lebih tinggi dalam usaha membudayakan buku kepada masyarakat. Industri ini terpaksa menyusur jauh ke pangkal budaya, iaitu menyemai sikap suka membaca.

Kerana adalah sukar untuk memberikan kefahaman kepada masyarakat, kenapa perlu bagi mereka untuk membaca sehingga tamat usia. Ini suatu peperangan jangka panjang terhadap pembentukan budaya membaca di kala-

ngan masyarakat.

Walaupun kuantiti hasilnya atau yang terhasil nanti adalah sedikit, itu sudah cukup memadai untuk industri buku survive dalam belunggu hedonisme dunia.

Simbiosis untuk sama-sama memperjuangkan nasib akibat kelembapan jualan antara buku dan

media storan muzik adalah perlu. Berpakat menempuh sasaran yang sama iaitu pengguna yang terdiri daripada pembaca dan pendengar.

Set persilangan antara kumpulan pembaca dan pendengar bukan sedikit. Jumlah mereka yang minati muzik dan berpotensi juga untuk menjadi pembaca buku

adalah ramai.

Mereka ini seharusnya diletakkan sebagai kumpulan sasaran utama, dihargai kerana membeli kaset atau CD yang asli dan buku untuk dibaca. Bukankah dalam dunia globalisasi sekarang ini, kita perlu bersatu jika hendak menentang musuh yang sama?

## Dekatkan kisah ketimuran kepada kanak-kanak

**Tajuk :**

*Siri Cerita Rakyat Asia  
(7 judul)*

**Penyenggara :**

Othman Puteh, Norizan Che Su, Sein Win @ Hussein Abdullah, Yulis Alwi dan Thaiyibah Sulaiman.

**Penerbit :**

Utusan Publications and Distributors

**Tahun :**

2002

**Harga :**

RM12 setiap satu



KAJIAN terbaru di United Kingdom menunjukkan jumlah ibu bapa yang membaca kepada anak-anak meningkat sekali ganda dalam masa dua tahun ini sejak kisah magik *Harry Potter* dan fantasi *The Lord of the Rings* menjadi kegilaan pasaran beberapa tahun kebelakangan ini.

Berita itu tentulah sesuatu yang melegakan terutamanya kalau dilihat dalam konteks hebatnya persaingan yang dihadapi oleh dunia buku kanak-kanak dengan Internet dan permainan komputer.

Internet dan permainan komputer mungkin dapat menghidangkan pengalaman visual yang luar biasa kepada kanak-kanak. Bagaimanapun, kedua-duanya tidak mampu menandingi kekua-

tan rangsangan emosi dan daya khayalan yang ada pada buku.

Buku memungkinkannya kanak-kanak berkhayal - mencipta dalam kepala dunia yang ditemuinya apabila membaca buku. Selebihnya, ia meninggalkan pengalaman emosi yang cukup berharga dalam perkembangan mental dan rohani kanak-kanak itu.

Namun dalam suasana dunia penerbitan tempatan yang agak tenat, ibu bapa tidak mempunyai banyak pilihan selain terpaksa bergantung kepada buku-buku yang datang dari luar negara. Masalahnya, tiada jaminan penerbitan luar itu tidak datang dengan budaya dan nilai yang bertentangan dengan cara kita sebagai orang Asia.

Kemunculan *Siri Cerita Rakyat*

*Asia* yang menampilkan 74 buah cerita dari tujuh negara ini bagaimanapun memberikan sedikit pilihan kepada ibu bapa mencari bahan bacaan untuk anak-anak mereka.

Siri ini menghimpunkan kisah-kisah teladan dari Malaysia, Indonesia, Singapura, Thailand, Myanmar, China dan Jepun.

Selain sarat dengan nilai murni yang berguna untuk membentuk peribadi kanak-kanak, siri ini sedikit sebanyak mendedahkan kepada mereka budaya masyarakat timur dari pelbagai latar belakang tradisi dan sejarah.

Siri cerita-cerita rakyat ini juga mampu meluaskan pembacaan kanak-kanak terutama mereka ditahap dua sekolah rendah.

- NOOR AZAM SHAIRI